

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 2 TAHUN 2020

BANTUAN KHAS AIDILFITRI TAHUN 2020

TUJUAN

- 1.0 Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan melaksanakan keputusan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2020 berkenaan pemberian Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 kepada staf UMP di Gred 56 dan ke bawah.

LATAR BELAKANG

- 2.0 Menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2020 berkenaan Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menggariskan tatacara pelaksanaan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana.
- 3.0 Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 20 Mei 2020 sebanyak RM500.00 dan turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen sebanyak RM250.00.

PELAKSANAAN

4.0 Pegawai yang layak

- 4.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan *contract of service*;
- 4.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh;
- 4.3 pegawai yang bercuti separuh gaji;
- 4.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan

4.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Kewangan ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.

5.0 Pegawai yang tidak layak

5.1 pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/ tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/ Gred Khas;

5.2 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 20 Mei 2020;

5.3 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 20 Mei 2020; dan

5.4 pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 20 Mei 2020.

6.0 Pegawai yang ditangguhkan bayaran khas kewangan

6.1 Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 ini. Pegawai hanya layak diberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

7.0 Pekerja sambilan harian (PSH) dan lain-lain skim lantikan

7.1 Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 sebanyak RM500.00 dipanjangkan kepada PSH yang masih berkhidmat pada 20 Mei 2020 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.

7.1.1 Bayaran Bantuan Aidilfitri Tahun 2020 kepada PSH di bawah tanggungan belanja mengurus akan dibayar menggunakan sumber dalaman UMP;

7.1.2 Bayaran Bantuan Aidilfitri Tahun 2020 kepada PSH di bawah tanggungan tabung amanah jabatan akan dibayar menggunakan

Tabung Amanah jabatan.

8.0 **Pesara**

8.1 Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 kepada pesara Kerajaan yang memilih skim pencen dan penerima pencen terbitan pada atau sebelum 20 Mei 2020 di bawah undang-undang pencen akan dibayar sebanyak RM250.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

8.2 Pesara yang dilantik semula secara *contract of service* dan masih berkhidmat pada 20 Mei 2020 layak diberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 sebanyak RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

9.0 **Pegawai meninggal dunia dalam perkhidmatan**

9.1 Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meninggal dunia pada 20 Mei 2020 layak diberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 sebanyak RM500.00. Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM500.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

TARIKH PEMBAYARAN

10.0 Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 ini akan dibayar pada 20 Mei 2020.

TARIKH KUAT KUASA

11.0 Surat Pekeliling pentadbiran ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Memasyarakatkan Teknologi

Saya yang menjalankan amanah,



PM. DR. MOHD RIDZUAN BIN DARUN

Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi

Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 15 Mei 2020